



## PENGGUNAAN GELARAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BAGI MENGANTIKAN PENGURUS BESAR

SEPANG, 26 Oktober 2022 – Selaras dengan peruntukan seksyen 90 (1) Akta Keretapi 1991, gelaran “**Ketua Pegawai Eksekutif**” atau singkatannya CEO akan digunakan bagi menggantikan gelaran Pengurus Besar yang telah digunakan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) kepada ketua organisasi tersebut selama ini.

*"Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melantik seorang yang layak dan sesuai sebagai Pengurus Aset Keretapi yang hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif Perbadanan"*

Penggunaan gelaran CEO ini dilihat dapat mengimbangi penyelarasan gelaran perjawatan-perjawatan pegawai atasan di RAC yang telah mengguna pakai gelaran seperti Ketua Pegawai Rel (CRO) dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO). Selain itu, dengan pemakaian gelaran yang baharu ini, pengukuhan imej RAC dapat ditingkatkan selari dengan moto "Mengungguli Pengurusan Aset Kereta Api Negara".

Sehubungan itu, semua urusan rasmi melibatkan surat-menyurat, e-mel dan sebarang dokumentasi berkaitan perlu menggunakan gelaran seperti berikut:

Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Aset Keretapi  
Aras 16, IOI City Menara 2,  
Lebuhr IRC,  
IOI Resort City,  
**62502 PUTRAJAYA SEPANG,**  
Selangor.

No Tel: 603-8939 0200

No Faks: 603-8939 0222

Walau bagaimanapun, penggunaan gelaran CEO ini tidak menjejaskan fungsi dan kuasa yang telah diperuntukkan kepada Pengurus Besar (gelaran sebelum ini) selaku ketua organisasi. Penggunaan gelaran ini berkuatkuasa dari tarikh Kenyataan Akhbar ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**PERBADANAN ASET KERETAPI**  
**26 Oktober 2022**

— TAMAT —

**Tentang RAC:**

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

Pertanyaan Media

**Unit Hal Ehwal Korporat**  
**Perbadanan Aset Keretapi**

Pegawai Perhubungan Awam : Puan Ane Salfarizan Mispani

E-mel: [salfarizan@rac.gov.my](mailto:salfarizan@rac.gov.my)

No Tel: 603-8939 0200

No Faks: 603-8939 0222

E-mel: [info@rac.gov.my](mailto:info@rac.gov.my)